

12 FEB 1997

MSC-DAP

DAP MENYATAKAN SOKONGAN PADA USAHA MENGATASI KEJAHILAN TERHADAP MSC

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- DAP hari ini menyatakan sokongannya kepada langkah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjelaskan dengan lanjut kepada orang ramai mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berkata, "banyak antara kita termasuk saya pada permulaannya tidak faham akan MSC tetapi selepas banyak bercakap mengenainya, Saya memahaminya."

Tindakan Dr Mahathir mengakui kejahilan mengenai MSC di kalangan umum semasa bercakap kepada pemberita selepas merakamkan ucapan Hari Raya Aidil Fitri di Angkasapuri adalah melegakan, kerana tidak dapat nafikan adanya kejahilan mengenai MSC di negara ini, kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

"Sebenarnya, adalah tidak salah menyatakan 99 peratus penduduk Malaysia tidak memahami MSC," kata beliau lagi.

Tahap pengetahuan di kalangan ahli-ahli Parlimen mengenai MSC dan revolusi Teknologi Maklumat (IT) secara amnya juga terhad, kata Lim.

Lim berkata, juga boleh dipersoalkan berapa anggota Kabinet dan pegawai tinggi kerajaan yang sebenarnya memahami MSC bagi membolehkan mereka menjelaskan mengenai kepentingannya kepada negara dan Revolusi IT di Malaysia.

Beliau berkata, terdapat banyak aspek mengenai MSC dan revolusi IT yang kerajaan perlu menjelaskannya kepada rakyat.

"Kerajaan telah mengumumkan lapan komponen utama MSC, tetapi rakyat Malaysia tidak faham mengapa empat daripadanya sangat penting, terutamanya kerajaan elektronik, teleperubatan, kad pintar dan sekolah bistari yang menunggu penyiapan Putrajaya dan Cyber Jaya di MSC sebelum ia boleh dilancarkan," kata Lim.

Bagaimanapun jika keempat-empat itu hanya terhad kepada MSC, maka ia akan menewaskan matlamat dan prinsip Era Maklumat. -- BERNAMA

YBK AAM PR